

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
OLEH YB MENTERI KERJA RAYA
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
“HIMPUNAN IBS BUMIPUTERA KEBANGSAAN”
PADA 6 DISEMBER 2014
DI HOTEL PULLMAN, KUCHING, SARAWAK**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Sri–Dato' Sri, Dato'–Dato', Tuan–tuan dan Puan–puan yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, marilah sama–sama kita memanjatkan rasa puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin–NYA, maka kita dapat berkumpul dalam seminar ini. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU), selaku pihak penganjur utama kerana telah menjemput saya untuk merasmikan seminar **“HIMPUNAN IBS BUMIPUTERA KEBANGSAAN”**.

2. Di samping itu, ucapan terima kasih juga ingin saya panjangkan kepada para hadirin di atas kehadiran ke seminar yang penuh bermakna ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini telah menunjukkan komitmen dan kerjasama dalam menyahut dasar dan seruan Kerajaan berhubung pelaksanaan Sistem Binaan Berindustri atau lebih dikenali sebagai *Industrialised Building System (IBS)*.

Tuan-tuan dan Puan-puan

3. Pada hari ini kita turut berkumpul bagi menyemarakkan Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera di mana sejumlah kontraktor dan usahawan binaan IBS dari setiap pelosok negara berjaya disatukan dalam satu majlis ilmu dengan beberapa tujuan utama untuk :
 - (i) Memberikan pendedahan kepada pemain industri pembinaan di kalangan Bumiputera untuk mencari ilmu dan maklumat terkini berhubung sektor pembinaan melalui kertas-kertas kerja yang akan dibentangkan terutamanya berkenaan prospek IBS;

- (ii) Mewujudkan satu platform bagi pemain industri binaan Bumiputera yang terlibat dengan IBS untuk berpeluang bersua muka dan seterusnya meluaskan rangkaian perniagaan sedia ada; dan
- (iii) Melengkapkan dan memperkukuhkan kedudukan pemain industri pembinaan terutamanya kontraktor dan usahawan binaan IBS Bumiputera supaya mereka dapat menghadapi cabaran bagi menempuh arus perubahan dalam sektor pembinaan yang kian mencabar berdasarkan perubahan dan perkembangan teknologi semasa.

Tuan–tuan dan Puan–puan,

- 4. IBS adalah merupakan sistem atau kaedah pembinaan di mana komponen–komponen pembinaan dihasilkan dalam keadaan terkawal, iaitu di kilang atau di tapak bina, kemudiannya diangkut serta dipasang dalam kerja–kerja pembinaan dengan penggunaan tenaga pekerja yang minimum di tapak pembinaan.

5. Objektif pelaksanaan IBS ini pula adalah bagi tujuan meningkatkan kualiti dan produktiviti pembinaan, menyeragamkan reka bentuk pembinaan, mempercepatkan tempoh pembinaan serta seterusnya mengurangkan tahap kebergantungan terhadap pekerja asing dalam industri pembinaan negara.
6. Pelaksanaan *Industrialise Building System* (IBS) ini telah dikuatkuasakan oleh Kerajaan melalui 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PK 1/2013 yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan yang mana seterusnya didokong kuat menerusi Roadmap IBS 2011–2015 yang disediakan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).
7. Malah, dalam *Rolling Plan* Ke–4, Rancangan Malaysia Ke–10 (RMKe–10), sejumlah 161 buah projek atau 19% daripada 848 jumlah keseluruhan projek bangunan dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya yang dilaksanakan secara IBS. Angka ini jelas menunjukkan masih ada banyak ruang penambahbaikan dalam usaha yang perlu diambil untuk membantu meningkatkan lagi pelaksanaan dan penggunaan IBS dalam projek–projek Kerajaan pada masa akan datang.

Tuan–tuan dan Puan–puan,

8. Sehingga ke hari ini, terdapat sejumlah 42 usahawan IBS Bumiputera di seluruh negara yang telah menyahut seruan Kerajaan dalam membantu menjayakan pelaksanaan IBS dalam projek pembinaan. Oleh yang demikian, adalah amat penting dan wajar bagi Kementerian Kerja Raya merangka usaha dan inisiatif yang efektif serta bersesuaian untuk membantu usahawan IBS Bumiputera dalam menjadi pengusaha IBS yang disegani serta menyumbang ke arah pembangunan industri IBS yang lestari dan mampan.
9. Selaras dengan usaha Kementerian Kerja Raya untuk memantapkan lagi penglibatan kontraktor dan usahawan binaan Bumiputera termasuk usahawan binaan IBS Bumiputera serta seterusnya sejajar dengan agenda pemerkasaan ekonomi Bumiputera seperti mana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, sukacita ingin saya transformasi terhadap beberapa program sedia ada Kementerian iaitu :
 - (i) **Pertamanya, peluasan Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor (SKWAK) ke Sabah dan**

Sarawak di mana **kontraktor Gred G2 hingga Gred G5** yang berdaftar dengan CIDB dan BPKU yang memperoleh projek-projek Kerajaan Persekutuan adalah layak memohon. **Penambahbaikan ini akan berkuatkuasa serta-merta.** Bagi mana-mana kontraktor Bumiputera yang berminat, boleh hubungi pejabat BPKU di Sabah dan Sarawak atau terus berhubung terus dengan pihak Ibu Pejabat di Putrajaya;

- (ii) Seterusnya, juga berkenaan dengan SKWAK, **kontraktor Gred G1 (kelas F) di seluruh negara boleh mula memohon pinjaman SKWAK bagi yang berjaya memperoleh projek-projek Kerajaan Persekutuan.** Tempoh memproses permohonan kontraktor **Gred G1 (kelas F) di bawah skim ini akan dipendekkan kepada sepuluh (10) hari bekerja sahaja**, berbeza dengan permohonan kontraktor Gred G2 hingga Gred G5 memandangkan kerja-kerja kontrak bagi kelas ini adalah singkat dan memerlukan bantuan kewangan modal secepat mungkin. Permohonan dibawah skim ini dijangka mula dibuka **pada bulan Januari 2015.** Dengan penambahbaikan ini, ianya akan

dapat membantu kontraktor Gred G1 (Kelas F) dari segi keperluan sumber kewangan dalam melaksanakan projek Kerajaan Persekutuan;

(iii) Yang ketiganya, **khusus untuk kontraktor Bumiputera Sabah dan Sarawak**, program '*outreach*' akan dilaksanakan bagi Permohonan Baru dan Permohonan Pembaharuan Taraf **Bumiputera** untuk kontraktor yang menetap jauh di pedalaman. Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian akan mewujudkan pusat hentian setempat atau '*one stop centre*' di **Miri, Sarawak dan Tawau, Sabah** bagi meringankan beban kontraktor dari segi kos dan masa untuk berulang-alik ke Kuching, Sarawak dan juga Kota Kinabalu, Sabah untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut;

(iv) Yang terakhirnya, pihak Kementerian Kerja Raya akan turut mengeluarkan satu '**Blue Pages**' yang merangkumi direktori semua usahawan atau vendor yang berdaftar dengan BPKU. Hanya usahawan atau vendor yang komited dan memenuhi kriteria BPKU sahaja yang akan disenaraikan dalam direktori tersebut. Pelancaran **Blue Pages** ini

dijangka dilakukan pada Januari 2015. Adalah menjadi hasrat saya agar *Blue Pages* ini akan menjadi satu-satunya direktori yang akan diguna pakai sebagai sumber rujukan oleh semua pihak Jabatan / Agensi Kerajaan Persekutuan.

Tuan–tuan dan Puan–puan,

10. Seperti mana yang telah saya umumkan pada **17 November 2014** yang lalu, pembukaan pendaftaran kontraktor baru Gred G1 (Kelas F) akan dilaksanakan mulai tahun 2015. Pembukaan semula pendaftaran baru ini adalah susulan daripada kadar pertumbuhan yang tinggi yang telah direkodkan dalam sektor pembinaan negara dalam tempoh 17 tahun yang lepas. Maka, sukacita ingin saya tegaskan disini bahawa Kementerian Kerja Raya komited untuk melaksanakan keputusan ini dan sedang memuktamadkan prosedur pendaftaran kontraktor yang baru ini.

11. Akhir kata, sekali lagi tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang telah berusaha untuk menjayakan Seminar Himpunan IBS Bumiputera Kebangsaan ini

terutamanya kepada pihak penganjur Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU), para pembentang kertas kerja dan para peserta sekalian.

12. Harapan saya, seminar ini akan menjadi platform yang terbaik kepada para kontraktor dan usahawan binaan IBS Bumiputera untuk meningkatkan kefahaman berhubung pelaksanaan IBS disamping meluaskan rangkaian perniagaan di kalangan peserta seminar.

Sehubungan dengan itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **“SEMINAR HIMPUNAN IBS BUMIPUTERA KEBANGSAAN”**.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.